

19/06/2004

Kedah tak minta kaji pajakan Pulau Pinang

By Mutazar Abd Ghani; Faiza Zainudin

ALOR STAR: Kerajaan Kedah tidak bercadang meminta bayaran pajakan RM10,000 setahun dikenakan ke atas kerajaan Pulau Pinang sekarang dinaikkan, kata Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Bagaimanapun, katanya, tuntutan bayaran terhadap air yang dibekalkan Kedah ke Pulau Pinang dan Perlis dibincang sejak beberapa tahun lalu walaupun keputusan muktamad mengenainya belum dibuat.

"Kita belum berfikir untuk meminta bayaran pajakan itu dikaji semula. Kenyataan (Tun) Dr Mahathir (Mohamad) itu hanyalah pandangan peribadi beliau," katanya selepas merasmikan mesyuarat Umno Cawangan Kilang Ais, Kuala Kedah, di sini semalam

Beliau diminta mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri kelmarin yang menyarankan Kedah meminta Pulau Pinang menaikkan bayaran itu, kerana kadar berkenaan tidak lagi berpatutan pada masa ini.

Sejarah pembayaran pajakan itu bermula apabila Sultan Abdullah menyerahkan Pulau Pinang kepada Kapten Francis Light yang mewakili East India Company pada 1796 dan Seberang Perai pada 1800 kerana meminta bantuan British membantu Kedah daripada serangan Siam.

Mengikut perjanjian antara kerajaan Kedah dan Francis Light, British bersetuju membayar dalam bentuk wang perak \$10,000 mata wang Sepanyol setahun, tetapi pembayaran \$10,000 itu kemudiannya dibuat dalam bentuk mata wang Negeri-Negeri Selat yang nilainya lebih rendah.

Syed Razak berkata, kerajaan Kedah menerusi Unit Perancang Ekonomi (Upen) dalam proses rundingan dengan pegawai Upen Pulau Pinang dan Perlis mengenai kadar bayaran air mentah yang disalurkan dari Sungai Muda, sempadan Kedah/Pulau Pinang.

"Saya yakin masalah ini dapat diselesaikan tidak lama lagi kerana perjanjian sejak dulu lagi sudah menetapkan bekalan air kepada negeri berkenaan adalah untuk tujuan minuman dan pertanian bukannya kegunaan industri.

"Walaupun mereka kata air itu hak dia (Pulau Pinang) tapi 70 hingga 80 peratus dari bekalan air itu daripada sumber kita, begitu juga Perlis," katanya.

Dr Mahathir kelmarin turut menyarankan supaya Kedah mengenakan bayaran terhadap pembekalan air mentah ke Pulau Pinang yang selama ini diberikan percuma.

Katanya, bayaran pada kadar sesuai perlu bagi menambah pendapatan Kedah yang dilihat sebagai negeri miskin.

Syed Razak berkata, Pulau Pinang dan Perlis wajar mempertimbangkan bayaran air mentah itu kerana negeri ini sudah melakukan pengorbanan yang besar menyediakan kawasan tadahan air hujan seluas 400,000 hektar di Pedu, dekat sini bagi tujuan itu.

Katanya, jika Kedah membangunkan kawasan tadahan itu seperti menebang hutan, ia akan memberi hasil hampir RM2 bilion tidak termasuk mengadakan projek pertanian yang akan memberi hasil hampir RM500 juta setahun.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata isu mengenai kadar pajakan negeri itu sepatutnya dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan.

"Ini kerana bayaran itu dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan bukannya kerajaan negeri. Ia adalah sebahagian perjanjian yang dibuat ketika negara mencapai kemerdekaan apabila Kerajaan Persekutuan mengambil alih kuasa daripada kerajaan British dan termaktub dalam Perlembagaan Negara.

"Namun, kerajaan negeri sedia berbincang dan berunding mengenai kajian semula bayaran pajakan itu jika Kerajaan Persekutuan mengadakan perbincangan mengenainya," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Dr Koh bagaimanapun percaya kenyataan Dr Mahathir itu dibuat secara berseloroh dan tidak mahu orang ramai berasa bimbang serta mempunyai tanggapan bahawa Pulau Pinang dan Seberang Perai akan diambil balik oleh Kedah.

Beliau juga berkata, perkara itu bukan isu besar dan sejak sekian lama, Pulau Pinang telah banyak menyumbang sama ada secara langsung atau sebaliknya kepada pembangunan ekonomi Kedah.

Katanya, ketika Pulau Pinang membangunkan industri elektroniknya pada tahun 1970-an, nikmat daripada perkembangan itu turut melimpah ke negeri Kedah terutamanya pembangunan sektor perkilangan di Sungai Petani dan Kulim.

"Apabila Pulau Pinang menghadapi masalah kekurangan tenaga pada era kemuncak sektor berkenaan sekitar tahun 1990-an, kerajaan negeri menggalakkan kilang-kilang yang mahu meluaskan operasi mereka membuka kilang mereka di Kedah.

"Semua ini dilakukan dalam konteks Jawatankuasa Pembangunan Wilayah Utara yang ditubuhkan pada awal 1991 dan Pulau Pinang sentiasa meneruskan dasar memakmurkan jiran seperti mana disarankan Dr Mahathir ketika beliau menjadi Perdana Menteri," katanya.

Mengenai pengambilan air yang belum dirawat dari Sungai Muda, Dr Koh berkata, adalah tidak sesuai Pulau Pinang dikenakan bayaran kerana sungai itu adalah sungai bersama kerana bahagian hulunya terletak dalam Kedah manakala sebahagian besar bahagian hilir melalui negeri ini.

Katanya, tiada sebarang kos ditanggung oleh Kedah dalam hal pengambilan air yang belum dirawat daripada Sungai Muda dan pengepaman air dibuat oleh negeri ini apabila berlaku limpahan air pada waktu banjir di sekitar kawasan sungai itu.

"Pulau Pinang dan Kedah juga perlu menangani bersama soal banjir akibat limpahan Sungai Muda ini dan perkara ini tidak harus dijadikan isu kerana kedua-dua negeri ini ibarat dua beradik yang saling membantu," katanya.

(END)